



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Seni Teater

Sekolah Seni Malaysia

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 2



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Seni Teater

Sekolah Seni Malaysia

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 2

Bahagian Pembangunan Kurikulum

April 2016

Terbitan 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus.....	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	6
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	8
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	9
Elemen Merentas Kurikulum.....	11
Pentaksiran Sekolah.....	14
Organisasi Kandungan.....	17
Bidang Lakonan.....	18
Bidang Penulisan Skrip.....	21
Bidang Sinografi.....	24
Bidang Apresiasi Teater.....	26
Glosari.....	28
Panel Penggubalan	33
Penghargaan.....	34



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur, kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak kurikulum kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Seni Teater Sekolah Seni Malaysia (SSeM) Menengah Rendah merupakan program pembelajaran tiga tahun persekolahan iaitu dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di SSeM. Kurikulum ini digubal dengan memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif dalam aktiviti berteatr.

KSSM Seni Teater SSeM merupakan cabang seni yang memberi perhatian kepada penzahiran tingkah laku manusia yang melibatkan aspek fizikal, mental, emosi, sosial, dan estetik yang berkait rapat dalam kehidupan. Menerusi teater, murid belajar memahami persekitaran mereka dan berkomunikasi menerusi bahasa dan gestura. Pengalaman ini adalah unik dan menyumbang kepada proses pembelajaran seumur hidup murid, seterusnya menyediakan mereka untuk bergiat dalam seni teater di masa hadapan.

Dalam aspek lakonan, murid dibimbing untuk memainkan pelbagai peranan. Murid memainkan peranan mengikut interpretasi watak atau situasi yang dihayati. Kebolehan membawa watak yang diberi mampu menyemai keyakinan

kepada murid tentang potensi bakat yang dimiliki dan seterusnya akan menyediakan mereka untuk menghadapi pelbagai cabaran

Dalam erti kata lain, pengalaman belajar melalui aktiviti teater memberi murid ruang untuk mengaplikasikan KBAT dan seterusnya bersedia untuk menghadapi cabaran masa kini dan hadapan. KSSM Seni Teater menyediakan peluang kepada murid untuk berintegrasi dengan elemen seni yang lain seperti tari, muzik dan seni visual.

KSSM Seni Teater SSeM memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi murid menerusi aktiviti pembentangan, kritikan, ulasan secara lisan, dan latihan lakonan. Selain itu, latihan vokal, latihan pernafasan dan latihan berdialog akan memantapkan kemahiran bertutur dengan jelas dalam kalangan murid.

KSSM Seni Teater SSeM juga memberi peluang kepada murid untuk mengekspresi idea, memberi pandangan, dan menyerapkan mesej serta nilai semasa berlatih, beraktiviti, dan berkarya.

MATLAMAT

KSSM Seni Teater SSeM bermatlamat melahirkan insan seimbang yang berilmu, berkemahiran, mengamalkan nilai-nilai murni, dan kreatif dalam bidang teater serta menghayati dan menghargai kesenian yang lahir daripada unsur keindahan ciptaan Tuhan secara intelektual.

OBJEKTIF UMUM

KSSM Seni Teater SSeM Menengah Rendah bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Membina dan melakonkan pelbagai watak.
2. Menghasilkan skrip cerita satu babak
3. Menghasilkan portfolio sinografi.
4. Menghasilkan portfolio teater tradisional iaitu bangsawan, makyung dan wayang kulit.
5. Menghasilkan portfolio teater realisme.
6. Mengamalkan nilai murni dan etika pelakon sebelum, semasa, dan selepas persembahan.
7. Menghargai kesenian yang lahir daripada unsur keindahan ciptaan Tuhan.

OBJEKTIF SENI TEATER TINGKATAN 2


KSSM Seni Teater SSeM Tingkatan 2 bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Membina watak dan perwatakan menggunakan kemahiran asas lakon berdasarkan teks secara individu dan berkumpulan.
2. Mengimprovisasikan watak dan perwatakan secara berpasangan.
3. Mengaplikasikan prinsip asas *blocking* dalam lakonan.
4. Menulis skrip satu adegan teater.
5. Menghasilkan portfolio sinografi bagi aspek set dan *props* berdasarkan skrip.
6. Membuat ulasan dan penilaian bagi aspek struktur asas persembahan dan lakonan dalam persembahan teater realisme yang ditonton.
7. Membentangkan ciri-ciri umum persembahan teater makyung.
8. Mengamalkan nilai-nilai murni dalam aktiviti teater.
9. Menghargai kesenian yang lahir daripada unsur keindahan ciptaan Tuhan.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan


inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSM Seni Teater digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

KSSM Seni Teater memberi fokus kepada pemahaman elemen teater sebagai asas untuk melahirkan murid berliterasi seni teater. Selain itu, mata pelajaran ini merangsang penjanaan idea kreatif dalam setiap rekaan dan ciptaan terutama dalam mereka cipta aspek sinografi, mencetus minda melalui penulisan skrip, dan kemahiran menggunakan bahasa teater melalui apresiasi teater. Seperti Rajah 2, kurikulum ini juga dibina ke arah melahirkan murid yang berkemahiran Seni Teater, berketerampilan diri, dan mempunyai jati diri menerusi penghasilan karya dan aktiviti persembahan.



Rajah 2 : Fokus Seni Teater

Sepanjang tiga tahun persekolahan pada peringkat Menengah Rendah, murid diberi pengalaman untuk mempelajari dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran berkaitan teater menerusi bidang-bidang kurikulum yang disediakan, iaitu; Bidang Lakonan, Bidang Penulisan Skrip, Bidang Sinografi dan Bidang Apresiasi Teater. Selain itu, pengamalan nilai-nilai murni juga turut ditekankan dalam setiap aktiviti teater. Penekanan ini bertujuan untuk melahirkan murid yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bidang Lakonan

Kurikulum Bidang Lakonan memberi fokus kepada pengaplikasian pengetahuan, kefahaman, dan kemahiran unsur-unsur lakonan dalam teater. Mengikut hierarki pelaziman dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid akan didedahkan dengan aktiviti olah tubuh dan latihan vokal. Guru perlu mengajar aktiviti olah tubuh agar tubuh badan murid menjadi lebih fleksibel dan mampu bergerak mengikut perwatakan sesuatu watak. Latihan vokal juga perlu diajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Seni Teater kerana ia dapat mengasah projeksi suara, kejelasan sebutan, kelantangan dan mampu mengeluarkan kepelbagaian suara mengikut kesesuaian watak dan perwatakan pelakon.

Selain itu, aktiviti *theater games* menjadi sisipan di dalam pengajaran dan pembelajaran Seni Teater untuk menghilangkan rasa takut, malu dan gugup (*stage fright*) apabila berhadapan sama ada dengan penonton mahupun bersama rakan lakon. Unsur KBAT wujud apabila murid mencipta watak dan berwatakan, berlakon secara spontan, berimprovisasi dengan bahan dan alat, mereka cipta aspek sinografi, dan menulis skrip untuk pementasan teater.

Bidang Penulisan Skrip

Kurikulum Bidang Penulisan Skrip mendedahkan murid dengan format penulisan skrip teater yang betul. Aktiviti dimulakan dengan melakukan penerokaan, bacaan, dan tontonan bagi merangsang murid menjana idea cerita untuk membina sebuah skrip yang menarik.

Apabila murid menguasai dan mudah menjana idea cerita maka mereka akan didedahkan dengan pembinaan cerita yang mempunyai awal, tengah dan akhir. Diikuti dengan mempelajari teknik menulis skrip yang merangkumi plot, bentuk, dan gaya bahasa.

Murid akan mempelajari bidang ini berperingkat-peringkat dalam masa 3 tahun. Di Tingkatan 2 murid akan mencipta skrip yang mempunyai satu adegan sahaja. Latihan-latihan imaginasi, Improvisasi dan bercerita merupakan aktiviti yang dicadangkan bagi merangsang penjanaan idea murid.

Bidang Sinografi

Kurikulum Bidang Sinografi memberi ruang kepada murid untuk mempelajari aspek-aspek sinografi dalam teater iaitu tatarias, kostum, set, *props*, tatabunyi dan tatacahaya. Murid akan mengkonsepsi, mencipta, dan membina sesuatu aspek sinografi mengikut kehendak skrip. Bidang Sinografi merupakan salah satu bidang yang menggabungkan ilmu seni visual, tukang, jahitan, hiasan dalaman, multimedia, solekan, muzik, dan pencahayaan.

Di Tingkatan 2 murid akan diperkenalkan dengan dua aspek sinografi yang akan menjadi fokus utama dalam bidang ini iaitu; set dan *props*. Bagi menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih menarik maka aktiviti seperti lawatan panggung, lawatan *wardrobe*, penerokaan internet, menonton teater, dan menghasilkan portfolio adalah dicadangkan.

Bidang Apresiasi Teater

Bidang Apresiasi Teater mendedahkan murid dengan karya dan persembahan teater daripada pelbagai genre. Murid mempelajari dua genre utama teater di Malaysia iaitu teater moden dan teater tradisional Malaysia. Bagi teater tradisional Malaysia murid didedahkan dengan bangsawan, makyung, dan wayang kulit. Untuk teater moden, murid didedahkan dengan teater realisme.

Fokus teater tradisional untuk murid Tingkatan 2 adalah makyung. Murid akan meneroka, mengkaji, membincang, mengkritik dan membentangkan hasil dapatan kajian mereka secara individu mahupun secara berkumpulan. Melalui aktiviti seperti ini, murid berpeluang untuk menghayati dan menghargai sesebuah pementasan teater moden dan teater tradisional secara mendalam.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1. supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Seni Teater juga turut menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakuan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Secara amnya, proses pengajaran dan pembelajaran Seni Teater adalah berlandaskan kepada aktiviti amali yang dilakukan melalui bidang lakonan, bidang penulisan skrip, bidang sinografi dan bidang apresiasi teater. Bagi menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih menarik maka aktiviti seperti; lawatan auditorium, lawatan *wardrobe*, penerokaan internet, menonton teater dan menghasilkan portfolio dicadangkan kepada guru-guru seni teater SSeM. Teknik bermain sambil belajar, simulasi, dan main peranan sangat sesuai diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran seni teater kerana ia berpusatkan kepada murid dan guru hanya menjadi pemudah cara. Malahan teknik seperti ini dapat merangsang kreativiti murid dan mengajar murid untuk berdikari.

Susunan bidang dalam dokumen ini boleh diubah suai semasa guru merancang pengajaran murid. Guru digalakkan untuk merangka pengajaran yang mengintegrasikan Standard Pembelajaran dari beberapa bidang dalam kurikulum untuk pembelajaran murid. Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan dalam merangka pengajaran bagi mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan. Pendekatan tersebut merupakan strategi guru bagi mencapai objektif pengajaran yang dirancang

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Inkuiri merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid yang melibatkan pertanyaan dan rasa ingin tahu di mana murid mencari jawapan melalui pemerhatian, penerokaan, mengumpul data, menterjemah dan membina rumusan. Inkuiri juga merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan penyiasatan masalah, penerokaan dan penemuan untuk mendapatkan maklumat serta pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu tugas yang dijalankan.

Dalam konteks Seni Teater, murid mempelajari pelbagai genre teater. Melalui proses pembelajaran mereka, pelbagai persoalan yang ditimbulkan oleh murid akan muncul seperti, “Apakah jenis teater yang telah dipersembahkan?” “Mengapa aspek sinografi diperlukan di dalam pementasan teater?” dan sebagainya. Guru mengarahkan murid untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan mereka menerusi penerokaan pelbagai sumber seperti internet dan kajian lalu di perpustakaan. Murid akan kembali ke kelas dengan maklumat yang diperolehi untuk dikongsikan.

Pembelajaran Berasaskan Masalah

Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah boleh dijalankan bagi menambah kefahaman murid tentang apa yang dipelajari. Dalam Seni Teater, guru berperanan sebagai fasilitator di mana beliau akan duduk bersama-sama murid untuk membentuk suatu persoalan permasalahan atau isu, kemudian menstruktur tugas yang relevan bagi menyelesaikan persoalan tersebut. Guru juga membimbing murid daripada aspek perkembangan pengetahuan, kemahiran sosial dan akhir sekali mentaksir apa yang telah dipelajari murid menerusi pengalaman pembelajaran tersebut. Contoh persoalan atau isu ialah: “Adakah teater boleh menyatukan masyarakat?” atau “Mengapakah teater bangsawan memerlukan *extra turn*?”

Pendekatan Bertema

Dalam pendekatan ini guru boleh merangka pengajaran dengan menggunakan pelbagai tema bagi membantu murid menguasai ilmu dengan membuat perkaitan secara kontekstual terhadap tema yang digunakan. Contoh tema yang boleh digunakan ialah Perpaduan dan Keharmonian.

Pendekatan Antara Disiplin

Pendekatan ini membolehkan guru merangka pengajaran dengan menggabungkan pengajaran Seni Teater dengan disiplin ilmu yang lain. Sebagai contoh guru boleh mengajar lakonan dengan mengaplikasikan ilmu nyanyian dan tarian di dalam lakonan bangsawan. Secara tidak langsung murid akan dapat ilmu lakonan beserta teknik nyanyian dalam Seni Muzik dan pergerakan kreatif dalam Seni Tari. Begitu juga jika guru ingin mengajar murid membuat gambar latar dan komposisi warna pencahayaan maka guru boleh menerapkan ilmu Seni Visual dalam kemahiran lukisan dan kemahiran menggunakan warna.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.
- Aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, Negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan

secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksanakan dan dilaporkan oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperolehi dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran.

Pentaksiran Seni Teater

Pencapaian murid dinilai untuk mengetahui kadar penerimaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran teater yang diajar. Perkara ini memerlukan aktiviti penilaian yang dilakukan semasa atau di penghujung aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Tahap pencapaian ini mestilah dinyatakan dengan jelas dan menjadi landasan yang kukuh kepada guru untuk melanjutkan aktiviti pembelajaran seterusnya.

KSSM Seni Teater SSeM merupakan mata pelajaran yang memberi lebih tumpuan kepada aspek amali seperti lakonan, mereka cipta sinografi dan menulis skrip. Oleh itu, pentaksiran yang dibuat tidak semestinya berdasarkan penulisan murid tetapi berdasarkan pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung.

Standard Prestasi Seni Teater

Standard Prestasi Seni Teater diwujudkan sebagai set kriteria umum untuk guru menentukan pencapaian murid dalam mata pelajaran ini. Standard prestasi ini mengandungi 6 Tahap Penguasaan yang merangkumi aspek kognitif, psikomotor, dan nilai seperti Jadual 3.

Tahap penguasaan ini disusun mengikut hierarki bermula pada tahap penguasaan 1 yang menunjukkan penguasaan terendah sehingga penguasaan tertinggi iaitu tahap penguasaan 6.

Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap penguasaan keseluruhan perlu ditentukan bagi memberi satu nilai tahap penguasaan murid di akhir sesi persekolahan. Tahap penguasaan keseluruhan ini merangkumi aspek kandungan, kemahiran saintifik serta sikap saintifik dan nilai murni. Untuk itu, guru perlu menilai murid secara holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran murid secara berterusan melalui pelbagai kaedah seperti pencapaian dalam ujian topikal, pemerhatian, latihan, pembentangan, respon murid secara lisan, kerja projek berkumpulan dan sebagainya. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk memberi satu nilai tahap penguasaan keseluruhan murid berdasarkan pengalaman guru bersama-sama murid, kebijaksanaan serta melalui perbincangan bersama rakan sejawat. Tahap penguasaan keseluruhan diberi selepas murid mempelajari bidang-bidang yang terdapat dalam mata pelajaran Seni Teater.

PERNYATAAN TAHAP PENGUASAAN UMUM KSSM SENI TEATER SSeM

Pernyataan Tahap Penguasaan Umum KSSM Seni Teater SSeM sebagai rujukan kepada guru untuk menilai prestasi murid adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum Seni Teater

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan pengetahuan dan kemahiran asas teater.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan pengetahuan dan kemahiran asas teater. • Meniru kemahiran asas teater.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran asas teater. • Mempraktikkan kemahiran teater.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Menganalisis karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran asas teater. • Memperhalusi kemahiran dalam aktiviti teater. • Mempamerkan nilai murni dalam aktiviti teater.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Menilai karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran asas teater. • Memperhalusi kemahiran dalam aktiviti teater secara konsisten. • Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti teater.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Menjana idea kreatif dalam pengkaryaan teater yang inovatif. • Memperhalusi kemahiran dalam aktiviti teater secara ekspresif, konsisten. • Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti teater.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM Seni Teater SSeM ini disusun berasaskan empat bidang dan pemberatan kandungan seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Pemberatan kandungan kurikulum Seni Teater

BIDANG DALAM SENI TEATER	PEMBERATAN KANDUNGAN KURIKULUM
Bidang Lakonan	50%
Bidang Penulisan Skrip	15%
Bidang Sinografi	20%
Bidang Apresiasi Teater	15%

Nota: Peruntukan waktu minimum bagi mata pelajaran ini ialah 96 jam setahun.

Susunan bidang-bidang ini tidak mengikut hierarki. Susunan ini bertujuan untuk memudahkan kandungan kurikulum diorganisasikan dalam dokumen ini. Guru boleh melaksanakan pengajaran secara modular tanpa terikat dengan mana-mana susunan bidang. Guru juga boleh menggabung jalin kandungan antara bidang kurikulum.

Setiap bidang mempunyai tiga lajur utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi seperti Jadual 5.

Jadual 5: Organisasi Kandungan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Dalam organisasi kandungan, terdapat lajur Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai Standard Pembelajaran.

1.0 BIDANG LAKONAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.1 Melakonian Pelbagai Watak	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Membina watak dan perwatakan secara individu dan berkumpulan.</p> <p>1.1.2 Menggunakan kemahiran berkomunikasi untuk berinteraksi dalam pelbagai situasi dalam lakonan.</p> <p>1.1.3 Mengimprovisasikan watak dan perwatakan dalam lakonan secara berpasangan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) menggunakan rangka cerita. (ii) menggunakan bunyi dan muzik. (iii) menggunakan objek. (iv) mengaplikasikan unsur lakon. 	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan asas lakon melalui aktiviti berikut: <ul style="list-style-type: none"> – main peranan – permainan teater – imaginasi – <i>memory recall</i> – simulasi – membuat pengamatan dan pengalaman kehidupan sendirian • Latihan aksi dan reaksi berdasarkan alam dan emosi. • Latihan lakonan dengan elemen sinografi asas. • Latihan menggunakan arahan pentas, kondisi, dan aras (<i>level</i>)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>1.1.4 Mengaplikasikan <i>blocking</i> dalam lakonan.</p> <p>1.1.5 Menghuraikan etika pelakon sebelum, semasa, dan selepas aktiviti lakonan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan <i>blocking</i> yang melibatkan: <ul style="list-style-type: none"> – ruang – kondisi – aras (level) – posisi <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran asas lakon <ul style="list-style-type: none"> – fizikal – vokal – mental dan emosi – unsur teater <ul style="list-style-type: none"> a) pelakon b) ruang c) mesej d) skrip e) penonton f) gabungan pelbagai seni • Unsur lakon <ul style="list-style-type: none"> – ruang – watak – situasi – gerak – vokal

PENTAKSIRAN BIDANG LAKONAN

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> Menyatakan pengetahuan dan kemahiran asas lakon.
2	<ul style="list-style-type: none"> Menerangkan pengetahuan mengenai watak dan perwatakan serta kemahiran asas lakon. Meniru watak dan perwatakan seseorang.
3	<ul style="list-style-type: none"> Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran asas lakon untuk mengimprovisasi watak. Mempraktikkan kemahiran asas lakon untuk mengimprovisasikan watak dan perwatakan berdasarkan skrip.
4	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran asas lakon untuk mengkaji watak. Memperhalusi kemahiran asas lakon dengan mengimprovisasi watak dan perwatakan berdasarkan imaginasi.
5	<ul style="list-style-type: none"> Menilai karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran seni teater. Memperhalusi kemahiran asas lakon dengan mengimprovisasikan watak dan perwatakan serta mempraktikkan <i>blocking</i> secara konsisten.
6	<ul style="list-style-type: none"> Menjana idea kreatif dalam pengkaryaan untuk melahirkan watak dan perwatakan yang inovatif. Memperhalusi kemahiran dalam aktiviti lakonan untuk melahirkan watak dan perwatakan yang mempraktikkan kemahiran improvisasi dan <i>blocking</i> secara ekspresif dan konsisten dengan mengamalkan nilai murni dan etika pelakon.

2.0 BIDANG PENULISAN SKRIP

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.1 Penghasilan Skrip	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Bercerita dan meniru dialog.</p> <p>2.1.2 Menulis semula cerita yang didengar.</p> <p>2.1.3 Menghuraikan dan membentangkan format penulisan skrip yang betul.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membaca cerita atau skrip untuk mengenal pasti: <ul style="list-style-type: none"> – Idea cerita – Pembinaan cerita – Teknik menulis cerita – Watak – Latar (tempat dan masa) – Gaya bahasa <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti format penulisan skrip yang betul. <ul style="list-style-type: none"> - Idea cerita - Rangka drama - Plot (Awal, Tengah dan Akhir) - Sinopsis - Pembinaan adegan drama - Teknik menulis (Bentuk naratif dan gaya)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>2.1.4 Merancang dan membuat rangka cerita berdasarkan imaginasi.</p> <p>2.1.5 Menghasilkan skrip satu adegan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan imaginasi dan improvisasi • Menulis adegan berdurasi 5 hingga 10 minit berdasarkan pelbagai sumber; <ul style="list-style-type: none"> – Watak dan perwatakan – Latar (tempat dan masa) – Peristiwa/ atau plot – Gaya bahasa (laras bahasa atau dialog) – Pemikiran (tema, persoalan dan mesej) • Berbincang dan menjelaskan komponen drama.

PENTAKSIRAN BIDANG PENULISAN SKRIP

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> Menyatakan pengetahuan dan kemahiran penulisan skrip.
2	<ul style="list-style-type: none"> Menerangkan pengetahuan mengenai format penulisan skrip. Meniru dialog dan bercerita tentang cerita yang pernah dibaca atau didengar.
3	<ul style="list-style-type: none"> Mengaplikasikan pengetahuan penulisan skrip untuk mengenal pasti format dan teknik menulis. Mempraktikkan kemahiran menulis skrip dengan menulis kembali cerita yang pernah dibaca atau didengar.
4	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran penulisan skrip. Memperhalusi kemahiran menulis skrip dengan membentangkan hasil analisis karya yang memperincikan format dan teknik menulis.
5	<ul style="list-style-type: none"> Menilai karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran penulisan skrip. Memperhalusi kemahiran dengan merancang dan merangka penulisan skrip dengan beretika serta menerapkan nilai-nilai murni di dalam karya.
6	<ul style="list-style-type: none"> Menjana idea kreatif dalam pengkaryaan untuk melahirkan watak dan perwatakan serta dialog yang inovatif. Memperhalusi kemahiran dalam aktiviti menulis skrip dengan menghasilkan sebuah skrip satu adegan yang berdurasi 5 hingga 10 minit dan mengaplikasikan format dan penulisan skrip dengan beretika serta menerapkan nilai-nilai murni di dalam karya.

3.0 BIDANG SINOGRAFI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.1 Penataan Sinografi dalam Produksi	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Mengenal pasti ciri-ciri set dan <i>props</i>.</p> <p>3.1.2 Meneroka, mengenal pasti dan menamakan penggunaan sinografi aspek set dan <i>props</i> dalam aktiviti berdrama dan persembahan yang ditonton.</p> <p>3.1.3 Merancang dan merangka set dan <i>props</i> untuk sebuah skrip.</p> <p>3.1.4 Mereka cipta lakaran set dan <i>props</i> berdasarkan skrip.</p> <p>3.1.5 Menghasilkan portfolio set dan <i>props</i> berdasarkan skrip.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan menghasilkan lakaran set dan <i>props</i>. • Latihan lukisan teknikal. • Menghasilkan model 3D atau diorama. • Menonton teater • Lawatan bengkel set dan <i>props</i> • Membuat buku skrap sinografi • Mengumpul bahan daripada internet. <p><u>Nota</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Enam aspek sinografi <ul style="list-style-type: none"> – Tatarias – Kostum – Set – <i>Props</i> – Tatacahaya – Tatabunyi

PENTAKSIRAN BIDANG SINOGRAFI

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> Menyatakan pengetahuan dan kemahiran sinografi.
2	<ul style="list-style-type: none"> Menerangkan pengetahuan mengenai pengenalan dan aspek sinografi. Meniru lakaran aspek sinografi yang terdapat di dalam sesuatu pementasan yang ditonton.
3	<ul style="list-style-type: none"> Mengaplikasikan pengetahuan sinografi untuk mengenal pasti dan menamakan aspek set dan <i>props</i> yang digunakan di dalam sebuah pementasan yang ditonton. Mempraktikkan kemahiran sinografi dengan melukis kembali set dan <i>props</i> yang digunakan untuk sebuah pementasan yang pernah ditonton.
4	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sinografi untuk merancang set dan <i>props</i> berdasarkan sebuah skrip. Memperhalusi kemahiran sinografi dengan merancang dan merangka set dan <i>props</i> untuk sesebuah skrip.
5	<ul style="list-style-type: none"> Menilai karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sinografi mengenai set dan <i>props</i> yang sesuai. Memperhalusi kemahiran sinografi dengan mereka cipta secara lakaran set dan <i>props</i> untuk sesebuah skrip.
6	<ul style="list-style-type: none"> Menjana idea kreatif dalam pengkaryaan dengan meneroka pelbagai bahan untuk mendapatkan bahan mereka cipta set dan <i>props</i> yang inovatif. Memperhalusi kemahiran sinografi dengan mereka cipta dan menghasilkan portfolio set dan <i>props</i> untuk sesebuah skrip dengan etika pelakon.

4.0 BIDANG APRESIASI TEATER

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.1 Penghayatan Nilai Estetika dalam Teater	<p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Menghuraikan ciri-ciri teater tradisional makyung.</p> <p>4.1.2 Membentangkan hasil analisis persembahan teater realisme.</p> <p>4.1.3 Menyenaraikan perbezaan antara teater makyung dan teater realisme.</p> <p>4.1.4 Menghasilkan portfolio mengenai teater makyung dengan memperincikan ciri-ciri persembahan makyung.</p> <p>4.1.5 Menghasilkan portfolio mengenai teater realisme dengan memfokuskan struktur asas persembahan dan lakonan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menonton video atau pementasan teater realisme. • Berbincang, menulis, membentangkan dan memberi pendapat tentang teater realisme yang ditonton. • Menonton video atau pementasan makyung • Membuat rujukan daripada pelbagai sumber. • Berbincang, menulis, membentangkan dan memberi pendapat tentang makyung. • Membuat buku skrap tentang makyung. • Latihan huraian teater secara bertulis.

PENTAKSIRAN BIDANG APRESIASI TEATER

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan pengetahuan dan kemahiran Seni Teater.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan pengetahuan mengenai teater realisme dan teater makyung. • Bercerita kembali mengenai pementasan teater realisme dan teater makyung yang ditonton.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Mengaplikasikan pengetahuan Seni Teater untuk menyenaraikan ciri-ciri teater realisme dan teater makyung. • Mempraktikkan kemahiran Seni Teater untuk menyenarai dan menghuraikan perbezaan teater realisme dan teater makyung.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Menganalisis karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran Seni Teater untuk mendapatkan ciri-ciri makyung yang digunakan di dalam sesebuah pementasan. • Membanding beza pementasan teater makyung dengan teater realisme.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Menilai karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran Seni Teater untuk menganalisis teater realisme dari sudut Struktur Asas Persembahan dan lakonan. • Memperhalusi kemahiran Seni Teater untuk menghasilkan laporan penulisan daripada hasil analisis teater realisme yang memfokuskan struktur asas persembahan dan lakonan.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Menjana idea kreatif menghasilkan portfolio teater realisme dan makyung yang inovatif. • Memperhalusi kemahiran Seni Teater untuk menghasilkan portfolio teater realisme dan teater makyung dengan mengamalkan nilai-nilai murni.

GLOSARI

PERKATAAN	PENERANGAN
Adegan	Bahagian kecil dalam sesuatu babak
Aplikasi	Proses mempraktikkan sesuatu teori kepada kasil kerja praktikal.
Arahan Pentas	Tunjuk cara dari segi komposisi, pergerakan, aksi, posisi, dan arah di atas pentas.
Aras (<i>Level</i>)	Kedudukan tinggi atau rendah.
Bayangan Minda	Proses mengingati kembali pengalaman-pengalaman masa lalu.
Bentuk Naratif	Bentuk penceritaan
<i>Blocking</i>	Peletakan pelakon di atas pentas/ atur gerak.
Diorama	Model skala atau binaan kecil sesuatu set.
Estetika	Nilai keindahan dan kehalusan yang ada pada karya seni.
Gaya	Ciri-ciri tertentu yang ada pada sesuatu karya seni yang boleh dibezakan berdasarkan teknik, rupa, bentuk, dan cara ia dihasilkan.
Imaginatif	Terhasil atau tercipta daripada imaginasi atau daya khayalan menunjukkan imaginasi atau daya kreatif yang berasaskan khayalan.

GLOSARI

PERKATAAN	PENERANGAN
Imaginasi	Daya atau kemampuan menggambarkan sesuatu dalam angan-angan atau mencipta sesuatu secara khayalan.
Improvisasi	Satu proses latihan aksi yang melibatkan pergerakan tubuh, suara dan emosi tanpa perancangan khusus serta menggunakan bahan-bahan yang ada sahaja terhadap situasi yang diberi.
Inovatif	Kecenderungan seseorang untuk mencari idea atau konsep atau strategi baharu yang boleh mempertingkatkan sesuatu perkara.
Interaksi	Tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain; tindak balas antara dua atau beberapa pihak.
Interpretasi	Memberi kefahaman kepada sesuatu perkara.
Kekaguman	Katakjuban, keterpesonaan dan kehairanan.
Kesan Khas	Unsur-unsur tambahan bagi membangkitkan kesan ketakjuban, keterpesonaan, dan kehairanan. Juga dikenali sebagai TASMAT. Contoh: Bunyi letupan di atas pentas, wajah tua, lembing terbang, lautan dan lain-lain.

GLOSARI

PERKATAAN	PENERANGAN
Kondisi	Keadaan dan kedudukan.
Konsentrasi	Penumpuan minda terhadap sesuatu perkara dalam kerja kreatif lakonan.
Kostum	Pakaian yang digunakan oleh pelakon teater dalam menyatakan perwatakan.
Kreativiti	Kualiti kerja kreatif.
Main Peranan	Membawa sesuatu watak berdasarkan ciri-ciri perwatakan luaran dan dalaman.
Mengkoordinasikan Suara, Fizikal, Emosi dan Mental	Menyelaraskan, mengaturkan suara, fizikal, emosi, dan mental dalam penghasilan kerja lakon.
Pengamatan	Melihat sesuatu perkara secara mendalam dan terperinci atas sesuatu tujuan.
Peniruan Aksi	Proses mengajuk dan meniru perbuatan dari segi aksi fizikal, vokal dan ekspresi.
Permainan Teater	Aktiviti-aktiviti yang berupa permainan dalam proses latihan teater yang meliputi aspek pengolahan tubuh, suara, minda dan emosi.
Plot	Susunan kejadian-kejadian terpilih.

GLOSARI

PERKATAAN	PENERANGAN
Plot Linear	Susunan kejadian terpilih secara teratur mengikut kesan, sebab dan akibat.
Pola Lantai	Pelan pembahagian ruang atas pentas.
Posisi	Susun atur dan kedudukan sesuatu objek atau orang.
Projeksi	Teknik lontaran suara dalam lakonan teater.
<i>Props</i>	Perkakas atau peralatan yang digunakan bagi membantu aksi sesuatu lakonan sama ada yang dibawa atau yang diletak statik.
Rangka Cerita	Draf kasar sesebuah cerita.
Set	Sekumpulan barangan yang merupakan sesuatu kesatuan beberapa benda yang digunakan bersama-sama sehingga yang satu merupakan pelengkap yang lainnya. Ia juga suatu binaan di atas pentas yang menggambarkan keadaan latar dan situasi dramatik.
Simulasi	Perbuatan yang berasaskan atau menggunakan sesuatu yang direka atau dibuat-buat tetapi yang mirip kepada atau hampir dengan yang sebenar.

GLOSARI

PERKATAAN	PENERANGAN
Situasi	Keadaan, kedudukan atau suasana sesuatu perkara atau suasana yang meliputi sesuatu masa.
Tatarias	Menghias rupa pada wajah dan anggota tubuh pelakon bertujuan untuk memberi kesan pada ciri-ciri perwatakan.
Tatabunyi	Rekaan bunyi menggunakan pelbagai sumber.
Tatacahaya	Rekaan cahaya menggunakan lampu-lampu tertentu.

PANEL PENGUBALAN

- | | |
|---|---|
| 1. Bakhtiar bin Mohd Salleh | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. Mior Sharul Nizal bin Mior Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. Prof Madya Dr. Mohd Kipli bin Abdul Rahman | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| 4. Dr. Rosdeen bin Suboh | Universiti Malaya Kuala Lumpur |
| 5. Hamzah bin Mohamed Tahir | Universiti Teknologi Mara Shah Alam |
| 6. Rosminah binti Mohamed Tahir | Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) |
| 7. Syahrul Fithri bin Musa | Universiti Teknologi Mara Shah Alam |
| 8. Zakaria bin Ariffin | Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) |
| 9. Suffian bin Haji Jalet | Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak |
| 10. Milyana binti Arshad | Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara |
| 11. Faziah binti Sulaiman | IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur |
| 12. Farah Idayu binti Mohd Fadzil | Sekolah Seni Malaysia Johor |
| 13. Noorzahidah binti Suhaimi | Sekolah Seni Malaysia Johor |
| 14. Siti Jauhara binti Jamian | Sekolah Seni Malaysia Johor |
| 15. Moh Azam bin Rezali | Sekolah Seni Malaysia Sarawak |
| 16. Ricky Kimwah | Sekolah Seni Malaysia Sarawak |
| 17. Abang Abdillah bin Abang Johnny | Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur |
| 18. Abd Rahman bin Mohd Top @ Mohd Tah | SMK Bandar Baru Uda, Johor |
| 19. Mohd Zulfadli bin Mohd Isa | SK Sungai Kertas, Selangor |
| 20. Noor Baizura binti Baharudin | SK Taman Bunga Raya 2, Selangor |
| 21. Zatul Bazamah binti Abu Bakar | SK Taman Dato Harun (2), Selangor |

PENGHARGAAN**Penasihat**

Dr. Sariah binti Abd. Jalil	Pengarah
Rusnani binti Mohd Sirin	Timbalan Pengarah (Kemanusiaan)
Datin Dr. Ng Soo Boon	Timbalan Pengarah (STEM)

Penasihat Editorial

Mohamed Zaki bin Abd. Ghani	Ketua Sektor
Haji Naza Idris bin Saadon	Ketua Sektor
Dr. Rusilawati binti Othman	Ketua Sektor
Mahyudin bin Ahmad	Ketua Sektor
Mohd Faudzan bin Hamzah	Ketua Sektor
Mohamed Salim bin Taufix Rashidi	Ketua Sektor
Paizah binti Zakaria	Ketua Sektor
Hajah Norashikin binti Hashim	Ketua Sektor



9 789674 202804

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya,
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>